

KAJIAN KEBERKESANAN PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR KELAB MULTIMEDIA POLITEKNIK MERSING

JOHORSTUDY ON THE EFFECTIVENESS OF STUDENT ACTIVITY MANAGEMENT AT MERSING POLYTECHNIC MULTIMEDIA CLUB, JOHOR

Wan Burhanuding bin Ibrahim ^{1*}

¹ Politeknik Mersing, Johor. 86800 Johor Malaysia.
(email : burhanuding@tvvet.pmj.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Ibrahim, W. B. (2025). Kajian keberkesanan pengurusan aktiviti pelajar kelab Multimedia Politeknik Mersing. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 131 - 137.

Abstrak: Matlamat utama pembelajaran di institusi TVET seperti Politeknik bukan sahaja untuk menguasai subjek yang diambil, tetapi pelajar mempunyai kemahiran teknikal tertentu seperti boleh menguruskan sesuatu aktiviti dengan berkesan. Salah satu kelab yang aktif di Politeknik Mersing (PMJ) adalah Kelab Multimedia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan pengurusan aktiviti kelab ini. Kajian ini penting untuk mendapatkan laporan sejauh mana pengurusan aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab ini berjaya dalam mencapai matlamatnya serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya. Sampel kajian terdiri daripada 69 orang ahli kelab yang dipilih secara rawak. Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak mudah. Analisis data dilakukan menggunakan statistik deskriptif untuk menentukan tahap keberkesanan aktiviti kelab tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kelab Multimedia berjaya menguruskan aktiviti secara berkesan. Berdasarkan kepada dapatan ini, kelab Multimedia berjaya menyediakan peluang kepada ahlinya, termasuk mempamerkan hasil kerja kepada umum. Dapatan kajian ini penting untuk memberikan panduan kepada pengurusan kelab dalam memperbaiki strategi dan kaedah pengurusan aktiviti pelajar agar lebih berkesan dan menarik minat pelajar untuk terlibat secara aktif.

Kata Kunci: keberkesanan pengurusan, aktiviti pelajar, Kelab Multimedia.

Abstract: The main goal of learning in TVET institutions such as Polytechnics is not only to master the subjects taken, but students have certain technical skills such as being able to manage an activity effectively. One of the active clubs at Polytechnic Mersing (PMJ) is the Multimedia Club. Therefore, this study was conducted to evaluate the effectiveness of the management of this club's activities. This study is important to obtain a report on the extent to which the management of activities carried out by this club is successful in achieving its goals and to identify factors that influence its effectiveness. The study sample consisted of 69 club members who were randomly selected. The sampling technique used was simple random sampling. Data analysis was conducted using descriptive statistics to determine the level of effectiveness of the club's activities. The results of the study showed that the Multimedia Club successfully managed its activities effectively. Based on these findings, the Multimedia Club

successfully provided opportunities for its members, including displaying the results of their work to the public. The findings of this study are important to provide guidance to club management in improving strategies and methods for managing student activities to be more effective and to attract students to be actively involved.

Keywords : *management effectiveness, student activities, Multimedia Club.*

Pengenalan

Penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan oleh institusi adalah sangat penting untuk pembangunan kemahiran dan sosial pelajar (Noh & Zahid, 2021), serta pembentukan identiti pelajar (Umar & Masnawati, 2024). Buckley dan Lee (2021) menjelaskan bahawa aktiviti luar kurikulum termasuk kelab dan pertubuhan telah menjadi sebahagian daripada matlamat institusi peringkat tinggi sejak asal penubuhannya Menurut Lubbers & Joyce (2014), penyertaan dalam aktiviti kampus menggalakkan kesetiaan pelajar terhadap kampus dan mewujudkan perkembangan dan kepuasan peribadi pelajar. Pascarella dan Terenzini (2005) juga sebelum ini menjelaskan bahawa banyak kajian kesusasteraan menyerlahkan bagaimana penglibatan aktif kampus memberi manfaat kepada pembangunan pelajar. Kajian Buckley dan Lee (2021) mendapati bahawa respondennya merasa dapat mengenal pasti pelbagai kebolehan dibangunkan melalui aktiviti kokurikulum seperti dapat merasa peningkatan dalam keyakinan diri.

Satu aktiviti yang menjadi fokus kajian ini adalah kelab Multimedia di Politeknik Mersing Johor. Kelab Multimedia ini umumnya menganjurkan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengembangkan kemahiran teknologi dan kreativiti dalam kalangan pelajar. Antara aktiviti utama yang dianjurkan termasuk bengkel pengeditan video, kursus fotografi, dan pertandingan reka bentuk grafik. Selain itu, kelab ini juga mengadakan sesi latihan mengenai perisian multimedia terkini seperti Adobe Photoshop, Illustrator, dan Premiere Pro. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal pelajar tetapi juga untuk memupuk semangat kerjasama dan inovasi. Melalui penyertaan dalam aktiviti kelab, pelajar berpeluang untuk mempraktikkan pengetahuan mereka dalam projek-projek sebenar, menjalin rangkaian dengan rakan sebaya yang mempunyai minat yang sama, dan membina portfolio yang boleh digunakan dalam kerjaya masa depan mereka. Walaupun begitu, tahap keberkesanan pengurusan Kelab Multimedia ini perlu dinilai agar setiap ahli maklum berkaitan kekuatan dan kelemahan kelab.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan pengurusan aktiviti Kelab Multimedia di Politeknik Mersing Johor.

Sorotan Kajian

Penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan oleh institusi adalah sangat penting untuk pembangunan kemahiran dan sosial pelajar (Noh & Zahid, 2021), serta pembentukan identiti pelajar (Umar & Masnawati, 2024). Buckley dan Lee (2021) menjelaskan bahawa aktiviti luar kurikulum termasuk kelab dan pertubuhan telah menjadi sebahagian daripada matlamat institusi peringkat tinggi sejak asal penubuhannya Menurut Lubbers & Joyce (2014), penyertaan dalam aktiviti kampus menggalakkan kesetiaan pelajar terhadap kampus dan mewujudkan perkembangan dan kepuasan peribadi pelajar. Pascarella dan Terenzini (2005) juga sebelum ini menjelaskan bahawa banyak kajian kesusasteraan menyerlahkan bagaimana penglibatan aktif kampus memberi manfaat kepada pembangunan pelajar. Kajian Buckley dan Lee (2021)

mendapati bahawa respondennya merasa dapat mengenal pasti pelbagai kebolehan dibangunkan melalui aktiviti kokurikulum seperti dapat merasa peningkatan dalam keyakinan diri.

Satu aktiviti yang menjadi fokus kajian ini adalah kelab Multimedia di Politeknik Mersing Johor. Kelab Multimedia ini umumnya menganjurkan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengembangkan kemahiran teknologi dan kreativiti dalam kalangan pelajar. Antara aktiviti utama yang dianjurkan termasuk bengkel pengeditan video, kursus fotografi, dan pertandingan reka bentuk grafik. Selain itu, kelab ini juga mengadakan sesi latihan mengenai perisian multimedia terkini seperti Adobe Photoshop, Illustrator, dan Premiere Pro. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal pelajar tetapi juga untuk memupuk semangat kerjasama dan inovasi. Melalui penyertaan dalam aktiviti kelab, pelajar berpeluang untuk mempraktikkan pengetahuan mereka dalam projek-projek sebenar, menjalin rangkaian dengan rakan sebaya yang mempunyai minat yang sama, dan membina portfolio yang boleh digunakan dalam kerjaya masa depan mereka. Walaupun begitu, tahap keberkesanan pengurusan Kelab Multimedia ini perlu dinilai agar setiap ahli maklum berkaitan kekuatan dan kelemahan kelab.

Metodologi Kajian

Kajian penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang telah dilakukan di Politeknik Mersing Johor (PMJ). Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Kesemua item soal selidik diukur pada skala Likert 5-mata. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik telah diedarkan secara dalam talian menggunakan *Google Form* terhadap semua pelajar PMJ. Bagi penganalisan data, kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan nilai min. Nilai min akan diterjemahkan kepada berikut seperti yang digunakan dalam kajian Ngadiman et al. (2019): 1.00– 1.99 (Lemah); 2.00– 2.99 (Rendah); 3.00– 3.99 (Sederhana); 4.00– 5.00 (Tinggi).


Hasil Kajian

Demografi Responden

Jadual 1: Latar belakang Responden

Item		n	%
Jantina	Lelaki	37	53.60
	Perempuan	32	46.40
Semester Pengajian	1	16	23.20
	2	22	31.90
	3	6	8.70
	4	6	8.70
	5	16	23.20
	6	3	4.30
Jabatan	JP	14	20.30
	JKE	8	11.60
	JTMK	47	68.10
HPNM	1.00 ke bawah	6	8.70
	1.01 - 2.00	9	13
	2.01 - 3.00	54	78.30

Tempoh	< 1 tahun	26	37.70
Menyertai	1-2 tahun	19	27.50
Kelab	> 2 tahun	17	24.60
Multimedia	Tidak pernah	7	10.10
Kekerapan	Tidak pernah	11	15.90
Menghadiri	Setiap minggu	21	30.40
Aktiviti Kelab	Dua minggu sekali	29	42
	Sebulan sekali	7	10.10
	Kurang dari sebulan sekali	1	1.40
Jawatan dalam	Ahli biasa	42	60.90
Kelab	MT	12	17.40
Multimedia	Ketua	1	1.40
	Peserta program anjuran Kelab Multimedia	13	18.80
	Lain-lain - Alumni Kelab Multimedia	1	1.40



Rajah 1: Aktiviti Kelab Multimedia Yang Pernah Disertai Pelajar

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada 69 pelajar Politeknik Mersing Johor. Majoriti yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar lelaki (53.6%) dan mereka yang berada di semester 2 (31.9%). Dari segi pencapaian akademik, 78.3% pelajar mempunyai HPNM antara 2.01 hingga 3.00. Data juga menunjukkan ramai responden yang menyertai kelab Multimedia adalah dari Jabatan JTMK (68.1%). Di samping itu, sebanyak 37.7% telah menyertai Kelab Multimedia kurang dari setahun, manakala 42% menghadiri aktiviti kelab dua minggu sekali. Kebanyakan responden (60.9%) memegang jawatan sebagai ahli biasa dalam kelab, dengan sebahagian kecil sebagai MT (17.4%) atau peserta program anjuran kelab (18.8%). Sementara itu, dalam Rajah 1 dapat disimpulkan bahawa aktiviti berkaitan fotografi

dan videografi adalah yang paling diminati, manakala aktiviti animasi dan seni digital adalah kurang penglibatan pelajar.

Tahap Keberkesanan Pengurusan Aktiviti

Jadual 2: Tahap Keberkesanan Pengurusan Aktiviti

No.	Item	Min	Tahap
1	Aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Multimedia teratur dan terancang.	4.551	Tinggi
2	Pengurusan masa aktiviti kelab adalah efisien dan berkesan.	4.522	Tinggi
3	Aktiviti kelab selaras dengan objektif yang ditetapkan.	4.580	Tinggi
4	Komunikasi antara pengurusan kelab dan ahli kelab adalah jelas dan efektif.	4.507	Tinggi
5	Pengurusan kelab memberi peluang kepada semua ahli untuk menyuarakan pendapat dan cadangan.	4.594	Tinggi
6	Sumber dan peralatan yang disediakan oleh kelab adalah mencukupi untuk melaksanakan aktiviti.	4.565	Tinggi
7	Latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh kelab membantu meningkatkan kemahiran ahli.	4.565	Tinggi
8	Aktiviti kelab berjaya meningkatkan minat dan penglibatan ahli dalam bidang multimedia.	4.609	Tinggi
9	Saya berpuas hati dengan keberkesanan pengurusan aktiviti kelab secara keseluruhan.	4.551	Tinggi
10	Ahli kelab diberikan tanggungjawab yang sesuai dan mencabar dalam setiap aktiviti.	4.609	Tinggi
11	Pengurusan kelab menyokong inisiatif dan kreativiti ahli dalam melaksanakan aktiviti.	4.565	Tinggi
12	Aktiviti kelab dijalankan dengan kekerapan yang sesuai dan konsisten.	4.565	Tinggi
13	Pengurusan kelab memastikan setiap ahli mendapat peluang yang sama untuk terlibat dalam aktiviti.	4.594	Tinggi
14	Aktiviti yang dijalankan memberikan impak positif terhadap kemahiran sosial dan kerjasama ahli.	4.594	Tinggi
15	Kelab Multimedia menyediakan peluang untuk ahli mempamerkan hasil kerja mereka kepada umum.	4.623	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan tahap keberkesanan pengurusan aktiviti Kelab Multimedia di Politeknik Mersing Johor (PMJ). Secara keseluruhannya, semua 15 item memperoleh tahap persetujuan yang tinggi yang menunjukkan Kelab Multimedia berjaya menguruskan aktiviti mereka secara berkesan. Berdasarkan dapatan ini, kelab Multimedia berjaya menyediakan peluang kepada ahlinya, termasuk mempamerkan hasil kerja kepada umum (4.623). Selain itu, aktiviti kelab juga berkesan dalam meningkatkan minat dan penglibatan ahli dalam bidang multimedia (4.609). Di samping itu, Kelab Multimedia juga berjaya dalam memberikan tanggungjawab yang sesuai kepada mereka dalam setiap aktiviti (4.609). Secara rumusannya, dapatan ini

menunjukkan bahawa Kelab Multimedia telah berjaya menguruskan aktiviti kelab mereka dalam membangunkan kemahiran dan minat ahli dalam bidang multimedia.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan pengurusan aktiviti Kelab Multimedia di Politeknik Mersing Johor bertujuan meneliti aspek perancangan, pelaksanaan, penyertaan pelajar serta impak aktiviti terhadap perkembangan kemahiran dan sahsiah pelajar. Berdasarkan analisis data yang dijalankan, didapati bahawa pengurusan kelab berada pada tahap keberkesanan yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui pelaksanaan aktiviti yang teratur, komunikasi yang jelas, serta penglibatan aktif ahli kelab dalam setiap program yang dijalankan. Antara penemuan penting yang diperoleh ialah keupayaan kelab menyediakan platform untuk pelajar menonjolkan kreativiti, mempamerkan hasil kerja kepada umum, dan memperkukuh keyakinan diri serta semangat bekerjasama. Ini sekaligus membuktikan bahawa aktiviti kelab memberi impak positif terhadap pembangunan sahsiah dan kebolehan pelajar dalam konteks pembelajaran luar bilik darjah.

Kajian ini memberi sumbangan bermakna kepada pihak pengurusan institusi sebagai panduan dalam merangka dan menambah baik pengurusan aktiviti pelajar secara lebih efektif dan menyeluruh. Penambahbaikan yang boleh dilakukan termasuk memperluaskan jenis aktiviti kepada bidang-bidang yang kurang mendapat penyertaan seperti animasi dan seni digital, serta memberi peluang saksama kepada semua ahli untuk terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti.

Bagi memperkukuhkan dapatan ini, kajian lanjutan dicadangkan untuk menilai impak jangka panjang penglibatan pelajar dalam Kelab Multimedia terhadap pencapaian akademik dan kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian.

References

- Alias, N. A., & Hafir, N. A. M. (2009). The relationship between student involvement in co-curricular activities and academic achievement. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 51–64.
- Buckley, P., & Lee, P. (2021). The impact of extra-curricular activity on the student experience. *Active Learning in Higher Education*, 22(1), 37-48.
- Hassan, H., & Azman, N. (2014). The role of student clubs in enhancing soft skills among university students. *International Education Studies*, 7(8), 1–7. <https://doi.org/10.5539/ies.v7n8p1>
- Ibrahim, N., & Hashim, N. H. (2014). Students' perception of co-curricular activities: A case study in Malaysian Polytechnic. *International Journal of Education and Research*, 2(8), 145–154.
- Larupay, S. L., & Pendon, G. P. (2016). Students' Involvement in Campus Activities: Implications to Levels of Sociability. *IRA-International Journal of Education & Multidisciplinary Studies*. ISSN 2455–2526; Vol.03, Issue 03 (2016). Institute of Research Advances.
- Lubbers, C. A., & Joyce, T. A. (2014). Promoting campus activities: Encouraging student participation. *Quarterly Review of Business Disciplines*, 1(1), 1-14.
- Mahat, H., Othman, Z., & Mohamed, S. (2012). Effective leadership in student organizations and its impact on student development. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65, 885–890. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.212>
- Mohd Nor, N. A., & Abdullah, M. N. L. Y. (2016). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan impaknya terhadap pembangunan sahsiah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 87–96.
- Mohd Satar, N. S., & Abdul Wahab, M. H. (2020). Pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar IPT. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Pendidikan*, 39(1), 25–38.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Noh, N. A., & Zahid, A. Z. M. (2021). Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanan terhadap pembangunan kemahiran dan sosial dalam kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84.
- Pascarella, E. T., & Terenzini, P. T. (2005). *How College Affects Students: A Third Decade of Research*. Volume 2. Jossey-Bass, An Imprint of Wiley. 10475 Crosspoint Blvd, Indianapolis, IN 46256.
- Pascarilla, E. et al. (2001). *How college affects students*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Subang, A. (2022). Co-Curricular Activities, Physical Activity Motivation and Sports Performance of High School Athletes. *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal*, 3(10), 904-920.
- Umar, H., & Masnawati, E. (2024). Peran lingkungan sekolah dalam pembentukan identitas remaja. *Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, 191-204.
- Yaacob, A., & Jamaludin, H. (2011). Pengurusan Aktiviti Kokurikulum: Satu Tinjauan Terhadap Amalan di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 1–12.